

Hakisan tebing ancam nyawa

Oleh Mohd Roji Kawi
mdroji@bh.com.my

✦ Kuching

Hakisan tebing Sungai Sarawak Kiri yang semakin serius dikhawatiri mengancam keselamatan penduduk di Kampung Rantau Panjang, Batu Kawa, di sini.

Sebelum ini, Majlis Perbandaran Padawan (MPP) sudah membina penampan bagi mengurangkan hakisan, namun benteng itu musnah akibat banjir, baru-baru ini.

Hakisan semakin serius

Kini, hakisan sudah merosakkan laluan di jalan berhampiran kampung berkenaan. Kesan runtuhannya tebing juga semakin melebar hingga jarak kira-kira tiga meter dari rumah penduduk.

Penduduk, Ira Said, 39, berkata keadaan itu menyebabkan dia tidak dapat tidur lena terutama ketika hujan lebat dan air pasang.

» Penduduk Rantau Panjang minta kerajaan atasi masalah, elak keadaan makin buruk

Beliau berkata, selepas dilanda banjir dua bulan lalu, hakisan semakin serius dan terlalu dekat dengan kediaman.

“Keselamatan keluarga saya kini terancam, tetapi kami tiada pilihan kecuali terus tinggal di sini,” katanya.

Ira berkata, beberapa tahun lalu pihak berkuasa tempatan sudah mengesan hakisan tebing sungai dan membina benteng bagi mengurangkan risiko.

Bagaimanapun, beliau berkata, semuanya musnah dibawa arus deras ketika banjir, baru-baru ini.

“Kami merayu supaya tindakan segera diambil untuk menghalang hakisan daripada terus mengancam keselamatan penduduk,” katanya.

MPP pasang tanda amaran

Ira berkata, MPP sudah memasang papan tanda amaran di tebing sungai itu, namun hanya untuk pengguna kenderaan yang melalui lokasi runtuhannya itu, bukan untuk menyelamatkan penduduk yang tinggal berhampiran tebing.

“Apa yang kami harapkan ialah tindakan segera membaiki tebing itu dan menghalang hakisan daripada terus berlaku,” katanya.

Hakisan tebing Sungai Sarawak Kiri yang semakin serius di Kampung Rantau Panjang, Batu Kawa.
[FOTO MOHD ROJI KAWI/BH]



**SUARA
KOMUNITI**

Suara Komuniti menentang masalah rakyat dan akhbar ini akan membantu pembaca mendapatkan maklumat pihak berwajib. Aduan kehilangan kenalan, keluarga atau ingin mencari saksi juga boleh diajukan ke e-mel suarakomuniti@bh.com.my.

“
Hakisan tebing Sungai Sarawak Kiri yang semakin serius menyebabkan saya tidak dapat tidur lena terutama ketika hujan lebat dan air pasang”

Ira Said,
Penduduk